

# Institut kaji kesan teknologi atas masyarakat ditubuhkan di NTU



**TAMPUK KEPIMPINAN BARU NTU:** Presiden keempat NTU, Profesor Subra Suresh (*kiri*), menerima sijil pelantikannya daripada Encik Ong Ye Kung di Auditorium Nanyang NTU semalam. – Foto BH oleh FABIAN KOH

SEBUAH institut baru akan ditubuhkan di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) untuk mengkaji kesan teknologi ke atas masyarakat.

Institut Sains dan Teknologi untuk Kemanusiaan NTU akan memberi tumpuan kepada kesan revolusi teknologi di bandar Asia, kata Presiden NTU, Profesor Subra Suresh.

Profesor Suresh, yang memulakan jawatannya sebagai presiden keempat universiti tersebut pada 1 Januari lalu, berkata demikian di hadapan 2,000 tetamu di majlis pelantikannya di Auditorium Nanyang NTU, semalam.

“Walaupun revolusi teknologi yang kita saksikan hari ini akan membentuk semula keadaan manusia dalam banyak cara pada abad ke-21, terdapat juga kegentaran yang dapat dimengerti berhubung kemungkinan kekurangannya,” ujar beliau.

Institut baru itu akan memberi tumpuan kepada implikasi etika melibatkan inovasi, tadbir urus dalam era teknologi dan bagaimana teknologi menjejaskan kehidupan penduduk di Asia – benua yang mempunyai paling ramai penduduk di dunia.

Dalam majlis itu, Profesor Suresh turut dianugerahkan gelaran Profesor Universiti Cemerlang, iaitu pelantikan akademik tertinggi NTU.

Beliau menerima sijil pelantikan daripada Menteri Pendidikan (Pendidikan Tinggi dan Kemahiran) Ong Ye Kung.

Semasa berucap, Profesor Suresh menggariskan matlamat beliau, termasuk mendukung kedudukan NTU sebagai tapak ujian bagi inovasi yang menyokong usaha Singapura ke arah menjadi Negara Bijak.

Ia juga bagi memupuk universiti itu sebagai pemimpin global dalam menangani perubahan sosial yang timbul menyusuli peralihan teknologi.

Dalam ucapan perasmiannya, Profesor Suresh berkongsi laluan pendidikan beliau di India di mana kedua-dua orang tuanya tidak berkesempatan belajar di universiti.

Beliau turut bercerita bagaimana pengajiannya di Amerika Syarikat menjadi realiti menyusuli pengorbanan keluarganya, selain biasiswa yang dianugerahkan kepada beliau berdasarkan merit tanpa mengira latar belakang peribadi.

“Perjalanan saya sejak beberapa dekad lalu telah menunjukkan kepada saya bagaimana dasar dan amalan institusi serta pemerintah dapat memberi kesan mendalam terhadap kehidupan dan kerjaya rakyatnya,” tambah Profesor Suresh.

Dalam majlis itu, beliau turut mengumumkan pelancaran Biasiswa Pascakedoktoran Presiden yang akan bermula tahun ini untuk menarik penyelidik ke NTU bagi memulakan kerjaya mereka dalam bidang akademik.

Ia akan membiayai 12 orang tahun ini bagi inisiatif yang disasarkan kepada berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) serta mempunyai tidak lebih daripada lima tahun pengalaman sepenuh masa di peringkat pascakedoktoran.

Mereka yang berminat boleh bermohon di [www.ntu.edu.sg/ppf](http://www.ntu.edu.sg/ppf) mulai sekarang hingga tengah malam (waktu Singapura) pada 5 April.